



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

Tingkat 5-9 Wisma MajuPerak  
Jalan Sultan Idris Shah  
30990 Ipoh,  
PERAK

Tel: 605-246 2100

Faks: 605-241 1343

Laman Web: [www.anm.gov.my/index.php/utama-perak](http://www.anm.gov.my/index.php/utama-perak)

Ruj. Kami : ANM.PK.T.100-2/6/1 (6)

Tarikh : 28 April 2021

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Jabatan Persekutuan di Negeri Perak**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/ Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PERAK BIL. 1  
TAHUN 2021 : PENGECCUALIAN BAYARAN FI UJIAN PENGESANAN COVID-19 BAGI  
PENJAWAT AWAM PERSEKUTUAN YANG MENJALANKAN TUGAS RASMI DI DALAM  
NEGERI DAN DI LUAR NEGARA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan surat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia rujukan (6)KKM.400-9/5/3 Jld.3 bertarikh 4 November 2020 adalah juga berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bersetuju agar penjawat awam yang **menjalankan tugas rasmi di dalam negeri dan ke luar negara** diberi pengecualian fi bagi ujian pengesanan COVID-19 berkuatkuasa pada 9 Oktober 2020 dengan ketetapan seperti berikut :

- 2.1 Pengecualian fi ujian pengesanan COVID-19 ini adalah terpakai bagi ujian pengesanan yang dilakukan di fasiliti KKM sahaja. Penjawat awam perlulah mengemukakan surat iringan atau dokumen sokongan daripada Ketua Jabatan atau penganjur mesyuarat yang menyatakan bahawa mereka perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19, tiga hari sebelum menjalankan tugas rasmi tersebut.
- 2.2 Penjawat awam yang menjalani ujian pengesanan COVID-19 di fasiliti kesihatan swasta hendaklah menanggung sendiri kos tersebut. Sebarang tuntutan bayaran balik bagi kos ujian pengesanan COVID-19 yang dibuat di fasiliti kesihatan swasta oleh penjawat awam adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan masing-masing.
- 2.3 Penjawat awam yang memohon untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19 atas **permintaan sendiri** akan dikenakan caj sebagaimana orang awam.

3. Sehubungan dengan itu, kaedah pembayaran dan kod akaun bagi permohonan bayaran balik yang diluluskan oleh Ketua Jabatan adalah seperti berikut :

**Modul : Arahan Pembayaran Invois Tanpa PT**  
**Kod Akaun : B0229101**

Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

ANM.PK.T.100-2/6/1 (6)

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***‘Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul’***

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOORAKMAR BINTI HUSSIN C.A.(M), CPFA (Aust.))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak.

Email : pneg\_prk@anm.gov.my

No. Telefon : 05-2462101

No. Faks : 05-2410029

s.k

PPT

FAIL PENGURUSAN KAWALAN COVID-19

*PA(P)/Documents/ArahanOperasiJANMPerak*